

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM minta **Menteri Kesihatan** adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah hospital untuk menempatkan dan menampung kadar kemasukan pesakit yang semakin meningkat?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di seluruh negara termasuk daerah Serian, Sarawak.

2. Hospital Serian telah dibina pada tahun 1979. Hospital ini merupakan sebuah hospital pakar *minor* dengan kapasiti 84 buah katil. Bagi memastikan hospital ini menyediakan perkhidmatan yang baik kepada rakyat, kerja-kerja naik taraf hospital dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan. Antara kerja-kerja yang telah dilakukan adalah:

- (i) Kerja-kerja penambahbaikan sistem pencegahan kebakaran (telah siap pada tahun 2018).
- (ii) Kerja menaik taraf ruang di wad kanak-kanak kepada *Newborn Intensive Care Unit* (NICU) (telah siap pada tahun 2020).
- (iii) Kerja naik taraf bilik X-Ray pergigian kepada bilik rawatan pergigian. Projek ini telah mencapai 40% dan dijangka siap pada hujung tahun 2021.

3. Bagi perancangan jangka panjang, Kementerian Kesihatan juga bercadang untuk mengguna pakai Institut Latihan KKM (ILKKM) Serian yang telah berhenti beroperasi pada tahun 2019 bagi menampung keperluan Hospital Serian pada masa hadapan.

4. Berdasarkan kepada kadar penggunaan katil yang hanya sebanyak 46.39% pada tahun 2020, Kementerian Kesihatan berpandangan bahawa Hospital Serian masih dapat menampung keperluan penduduk setempat. Kementerian Kesihatan akan sentiasa memantau keperluan di semua fasiliti kesihatan dan melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan selaras dengan keperluan semasa dan tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan. Sekian, terima kasih.